JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Selasa, 6 Disember 2022	
1	PM arah kurang kebergantungan pasaran telur ayam kepada kartel
2	-Peniaga jual telur ayam kotor disiasat -Selangor terus pantau harga barangan asas
3	Menteri akui masalah bekalan telur
4	Harga baharu telur akan diumum hari ini
5	-Bekalan telur ayam, minyak peket di Selangor stabil -Tipu label telur boleh didenda sehingga RM100,000, dipenjara -Pertemuan empat mata
6	-Terbeli telur kurang segar, busuk -Satu aduan telur kotor dilapor di Johor -Exco
7	Salahuddin akui telur ayam tiada dipasaran
8	Kerajaan perlu telus selesaikan isu telur
9	-Keeping chiken rise affordable for his regulars -'Enough supply of eggs and cooking oil

DISEDIAKAN OLEH :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6.12.2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	3

PM arah kurang kebergantungan pasaran telur ayam kepada kartel

Harga baharu diumum hari ini dijangka lebih murah

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan beberapa langkah diambil bagi menangani isu bekalan telur ayam dihadapi negara dengan harga baharu sumber protein itu bakal diumumkan hari ini yang diharap lebih murah berbanding kadar sedia ada.

Perdana Menteri menjelaskan, beliau sudah berbincang dengan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu yang akan mengumumkan perincian mengenai isu itu hari ini, sekali gus diharap dapat mengurangkan kebergantungan pasaran telur ayam kepada kartel.

"Diharapkan harga telur yang akan diumumkan esok (hari ini) lebih murah dan mengurangkan kebergantungan kepada kartel demi memastikan bekalan cukup dan harga dikurangkan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat khas Kabinet, di sini semalam.

BH baru-baru ini melaporkan, tinjauan mendapati bekalan telur ayam di pasaran runcit beberapa negeri kembali stabil, namun harganya pula meningkat, ada yang mencecah sehingga RM17 sepapan bagi telur gred A.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri memaklumkan, kerajaan sudah mengarahkan semua perjanjian berhubung projek pelaksanaan 5G di seluruh negara disemak semula berikutan perjanjian projek itu tidak dilaksanakan secara telus.

"Tidak ada tender, (tiada) proses tender terbuka, jadi kita perlu semak semula untuk memastikan ia patuhi prosedur kewangan yang ketat. Ia bagi memastikan semua perkara dijalankan dengan sewajarnya," katanya.

Harus tahu AP beras

Sementara itu, Perdana Menteri memaklumkan, sebagai Menteri Kewangan, beliau membatalkan keputusan kerajaan di bawah pentadbiran Perikatan Nasional (PN) sebelum ini yang meningkatkan kekerapan cabutan khas nombor ramalan daripada lapan kepada 22 kali setahun.

"Mulai 1 Januari 2023, cabutan khas perjudian yang sekarang 22 kali akan turun kepada lapan kali," katanya sambil tidak menolak kemungkinan sebahagian hasil daripada aktiviti itu digunakan untuk membiayai pilihan raya oleh pihak tertentu, namun menegaskan beliau perlu menyemak perkara terbabit.

"Sama ada anda menggelar parti anda sebagai parti Melayu atau parti Islam, dana itu datangnya daripada syarikat perjudian," katanya.

Mengenai bekalan beras, Anwar berkata, ia tidak wajar dimonopoli oleh sebuah syarikat dan perkara itu telah dibincangkan bersama tokoh korporat, Syed Mokhtar Al-Bukhari dengan penegasan bahawa untuk berlaku adil, harus diketahui bahawa kebenaran import (AP) beras bukan konsesi.

"Untuk berlaku adil, kita harus tahu AP beras ini bukan konsesi dan bukan dianugerahkan kepada beliau, tetapi juga syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

"BERNAS ketika itu dimiliki oleh Tan Sri Tan Boon Seng sebanyak 31 peratus dan turut dikuasai syarikat milik Datuk Seri Shahidan Kassim (Ahli Parlimen Arau). Syed Mokhtar telah membeli BERNAS daripada Boon Seng sekitar RM800 juta dan RM400 juta daripada Shahidan.

"Jadi, beliau tentunya mempunyai tanggungan untuk membayar balik," katanya menegaskan, kerajaan tidak akan mengizinkan pembolotan kekayaan oleh tokoh politik dengan begitu mudah yang menghisap darah pesawah padi miskin.

"Sekarang tidak boleh bebankan Syed Mokhtar seorang sehingga kita dapat meneliti keuntungannya, sama ada pulangan itu berpatutan," katanya.

Beliau berkata, berikutan itu, Syed Mokhtar diminta untuk memberi peruntukan RM10 juta kepada pesawah miskin pada bulan ini dan RM50 juta daripada BERNAS mulai tahun hadapan.

"Saya hanya memberikan contoh ini kerana ini adalah tata kelola pentadbiran yang baik bukannya slogan Melayu atau Islam," katanya.

Anwar pada sidang media di Putrajaya, semalam. Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali (kiri) serta kedua-dua Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof (kanan). (Foto BERNAMA)

MoF dapati ada pelanggaran prosedur beri kontrak RM600b

Putrajaya: Kementerian Kewangan (MoF) mendapati ada pelanggaran prosedur yang serius dalam pemberian kontrak RM600 bilion tanpa tender ketika pentadbiran Perdana Menteri Kelapan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Setakat yang saya tahu dan diberi makluman, ada beberapa pelanggaran serius terutama bila luluskan projek, perolehan terlalu banyak, 'marked up' tinggi," katanya memaklumkan isu itu diserahkan kepada pihak berkuasa untuk menyiasat sejauh mana pelanggaran prosedur, rasuah dan penyelewengan yang berlaku.

Perdana Menteri juga mengulangi pandangannya sebelum ini bahawa ada parti tertentu berbelanja tinggi ketika kempen Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) yang menunjukkan keupayaan mereka berbelanja luar biasa.

Mengenai cadangan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat dakwaan sama, beliau berkata, ia belum dibincangkan Kabinet, namun syor itu akan diserahkan kepada Jemaah Menteri untuk dinilai.

Anwar turut menegaskan beliau secara peribadi tidak cenderung menumpukan hal atau perkara lama, sebaliknya kepada pengurusan ekonomi dan tadbir urus negara.

Sementara itu, Perdana Menteri memaklumkan, Bajet 2023 akan diteliti semula dan diubah suai dengan mengambil kira pandangan daripada MoF serta Kabinet yang akan diberi ruang bagi menambah baik belanjawan yang sudah dirangka itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6.12.2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	17

Sidang DUN Johor

Peniaga jual telur ayam kotor disiasat

Kementerian terima dua aduan daripada pengguna

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Iskandar Puteri: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Johor, menerima aduan membabitkan penjualan telur kotor yang mengelirukan pengguna, dilaporkan berlaku di Johor Bahru, baru-baru ini.

Pengerusi Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Johor, Lee Ting Han, berkata peniaga terbabit telah dipanggil bagi siasatan lanjut dilakukan.

"Terdapat sekurang-kurangnya dua kes telur kotor yang tular di media sosial dikesan sejak beberapa hari lalu.

"Satu aduan rasmi berhubung telur kotor berlaku di Johor Bahru sudah diterima daripada pengguna.

"Pengadu mendakwa, penjual hanya menjual telur kotor di pasaran, sekali gus sukar mendapatkan telur ayam gred kawalan seperti sebelum ini.

"Siasatan sedang dilakukan mengenai aduan itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas sesi soalan lisan di Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor, di sini, semalam.

Permintaan meningkat

Dalam pada itu, Ting Han yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paloh, berkata permintaan telur ayam gred kawalan di negeri ini dilaporkan mengalami peningkatan mendadak.

Ting Han ketika sesi pembentangan pada Persidangan Dewan Undangan Negeri Johor di Iskandar Puteri, semalam. (Foto BERNAMA)

Beliau berkata, permintaan mendadak terhadap semua jenis kategori telur di pasaran negeri ini dikenal pasti antara punca utama kekurangan bekalan bahan mentah itu sejak kebelakangan ini.

"Johor merekodkan pengeluaran telur ayam pelbagai gred sebanyak 10 juta biji setiap minggu sebenarnya.

"Namun permintaan tinggi terutama daripada industri bakeri dalam pembuatan roti dan kek selain peniaga kecil makanan menyebabkan kekurangan bekalan telur," katanya.

Katanya, kerajaan juga mengawal harga bagi telur ayam gred A, B dan C, masing-masing dijual dengan harga 45 sen sebiji, 43 sen dan 41 sen.

"Telur ayam kawalan menjadi pilihan kerana harganya lebih rendah berbanding telur ayam jenis premium, yang bukan di bawah kawalan.

"Kerajaan Johor menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Johor akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam usaha meningkatkan lagi pembekalan telur dan ayam di dalam pasaran negeri ini," katanya.

Selangor terus pantau harga barangan asas

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKSH) konsisten melaksanakanarahan kerajaan untuk memfokuskan isu kos sara hidup sebagai gerak kerja utama

Ketua Penguat Kuasa KPDNKSH Selangor, Mohd Khairi Jamaludin, berkata ekoran itu pihaknya kini memberikan tumpuan untuk memeriksa bekalan ayam, telur ayam dan juga minyak masak di bawah pelaksanaan Ops ATM.

Katanya, fokus utama pemeriksaan untuk melihat dari segi keberadaan secara fizikal ke atas barang yang menjadi keperluan isi rumah atau pengguna membabitkan barangan berkenaan.

"Kedua, untuk memastikan dari segi pematuhan harga ayam, telur dan minyak masak mengikut syarat maksimum yang sudah ditetapkan oleh persetujuan antara kerajaan dan KPDNKSH.

"Seperti sedia maklum, kita sudah mempunyai penentuan harga maksimum untuk barangan itu bermula Februari lalu.

"KPDNKSH mengawal harga ayam pada peringkat ladang dengan RM6.40 bagi ayam standard dan harga runcit RM9.40 seekor. Bagi harga ayam super pula RM10.40 seekor.

Mohd Khairi (dua dari kanan) bersama anggota penguat kuasa memantau bekalan dan harga telur di Pasaraya NSK, Jalan Selayang Baru, semalam. (Foto Fariz Iswadi Ismail/BH)

"Begitu juga harga bagi telur gred A, B dan C, masing-masing dijual 45 sen sebiji, 43 sen dan 41 sen," katanya kepada pemberita selepas pemeriksaan bekalan dan harga telur di pasar raya NSK Trade City, Selayang, dekat sini, hari ini.

Khairil berkata, tujuan kawalan ini juga adalah untuk memastikan peniaga tidak mengenakan harga tinggi daripada harga yang telah ditetapkan.

Aduan kurang minyak peket

"Kami juga menerima aduan pengguna mengenai bekalan minyak masak peket yang kurang dan juga terputus bekalan.

"Kami melaksanakan siasatan susulan dan membantu pihak premis untuk mendapatkan bekalan segera minyak masak.

"Arahan kerajaan menetapkan pembeliaan terhad tiga paket untuk setiap pembelian adalah rasional kerana setiap pembeli dapat menikmati bekalan minyak masak bersubsidi.

"Seterusnya, telur disifatkan konsisten dibekalkan di pasaran, dan tidak mengalami tiada bekalan dalam tempoh yang lama, jika ada sekalipun ia bersifat sementara serta berlaku secara lokaliti. Kebiasaannya, bekalan pulih semula dalam tempoh masa yang munasabah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6.12.2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

Menteri akui masalah bekalan telur

Oleh AMREE AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Isu ketiadaan bekalan telur ayam di pasaran ketika ini turut diakui sendiri oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Malah beliau pada sidang akhbar pertama selepas melaporkan diri di kementerian itu di sini semalam turut bergegas 'turun padang' meninjau senario itu di sebuah pasar raya besar di ibu negara.

"Saya akan tengok sendiri keadaan isu telur ayam dan cuba dapat maklumat perkembangan sebenar apa yang berlaku di lapangan," katanya selepas bertukar nota serah tugas dengan penyandang sebelumnya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi yang akan berpindah ke Kementerian Kerja Raya.

Beliau juga menyaksikan majlis paluan berundur oleh pasukan penguat kuasa sebagai meraikan menteri terdahulu dan turut dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Azman Mohd. Yusof.

ORANG ramai mendapatkan bekalan telur yang terhad di sebuah pasar raya di Selayang, Selangor. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Isu telur ayam mula 'panas' diperkatakan masyarakat semasa kempen Pilihan Raya Umum Ke-15 apabila banyak kedai runcit dan pasar raya yang melaporkan kehabisan bekalan secara tiba-tiba.

Salahuddin mengakui ketiadaan stok itu mencetuskan keresahan kepada rakyat dan merencatkan pertumbuhan ekonomi kerana banyak kegiatan bisnes yang memerlukan telur.

> **"Saya sedar proses pengeluaran telur juga ambil masa enam bulan dari seekor anak ayam sehingga bertelur berbanding tempoh ayam pedaging yang paling lama pun hanya 42 hari."**

"Saya sedar proses pengeluaran telur juga ambil masa enam bulan dari seekor anak ayam sehingga bertelur berbanding tempoh ayam pedaging yang paling lama pun hanya 42 hari," katanya.

Pada masa sama, beliau yakin kepakaran dalam negara yang melibatkan pelbagai agensi awam dan pemain industri tempatan berupaya mencipta inovasi bagi penyelesaian masalah berkenaan.

Justeru, beliau memberi jaminan akan meneliti beberapa penyelesaian dicadangkan termasuk isu harga, tempoh kawalan, kaedah subsidi, pengeksportan dan kos produksi terutamanya input ternakan.

Namun beliau hairan dengan masalah itu kerana Malaysia merupakan pengeluar telur ayam terbesar di rantau Asia Tenggara dengan sekitar 113 peratus lebih daripada keperluan sara dalam negara.

Malah jelasnya, hampir 300 ladang ternakan ayam di seluruh negara ketika ini berupaya memenuhi keperluan permintaan 30 juta biji telur sehari sehingga ada lebihan boleh dieksport.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6.12.2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	3

Harga baharu telur akan diumum hari ini

Isu berkenaan turut mendapat perhatian Perdana Menteri

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Harga baharu telur ayam akan diumumkan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu pada Selasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pengumuman itu bakal mengurangkan kebergantungan bekalan telur kepada kartel.

"Harga telur akan dikurangkan dan ia diserahkan kepada menteri tersebut," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat kabinet pertama di sini pada Isnin.

Sebelum ini, rakyat mengeluh sukar untuk mendapatkan bekalan telur di sesetengah tempat, sekali gus menyebabkan harga telur meningkat berlipat kali ganda.

Gangguan bekalan telur berlaku sejak awal tahun ini berlanjutan sehingga kini meskipun pelbagai tindakan telah diambil kerajaan.

Sementara itu, Anwar menegur Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary yang didakwa mempunyai monopoli terhadap import beras.

"Untuk berlaku adil, kita harus tahu kebenaran import (AP) beras ini bukan konsesi dan bukan dianugerahkan kepada beliau tetapi juga syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas)," katanya.

Ujar beliau, Bernas ketika itu dimiliki oleh Tan Sri Tan Boon Seng sebanyak 31 peratus dan turut dikuasai syarikat milik Datuk Seri Shahidan Kassim.

"Syed Mokhtar telah membeli Bernas daripada Boon Seng sekitar RM800 juta dan RM400 juta daripada Shahidan.

FOTO: BERNAMA

Anwar mempengerusikan mesyuarat khas kabinet Kerajaan Perpaduan di Perdana Putra, Putrajaya pada Isnin.

"Jadi, beliau tentunya mempunyai tanggungan untuk membayar balik," katanya.

Tegas Anwar, kerajaan tidak akan mengizinkan pembolotan kekayaan oleh tokoh politik dengan begitu mudah yang menghisap darah pesawah padi miskin.

"Sekarang tidak boleh bebankan Syed Mokhtar seorang sehingga kita dapat meneliti keuntungannya sama ada pulangan itu berpatutan," kata beliau.

Justeru, katanya, Syed Mokhtar digesa untuk memberi peruntukan RM10 juta kepada pesawah miskin pada bulan ini dan RM50 juta daripada Bernas mulai tahun hadapan.

"Saya hanya memberikan contoh ini kerana ini adalah tata kelola pentadbiran yang baik bukannya slogan Melayu atau Islam," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6.12.2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	14

Bekalan telur ayam, minyak peket di Selangor stabil

GOMBAK - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKSH) mengesahkan bekalan telur ayam dan minyak masak peket di Selangor stabil dan konsisten.

Ketua Penguat Kuasa KPDNKSH Selangor, Mohd Khairi Jamaludin berkata, pihaknya telah mengatur gerak kerja terancang berdasarkan lokaliti untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan secara harian terhadap harga serta keberadaan bekalan barangan keperluan asas pengguna di setiap rantaian pengedaran di Selangor.

Menurutnya, berdasarkan pemeriksaan yang dijalankan menunjukkan bekalan minyak masak peket satu kilogram (kg) adalah stabil dan tidak ada isu kekurangan bekalan untuk menampung keperluan pengguna isi rumah.

"Arahan kerajaan menetapkan pembelian terhad tiga peket untuk setiap pembelian adalah rasional demi memastikan setiap pembeli untuk kegunaan isi rumah dapat menikmati bekalan minyak masak bersubsidi di pasaran.

"Bekalan telur ayam juga disifatkan konsisten dibekalkan di pasaran dan tidak mengalami bekalan *out of stock* dalam tempoh masa lama. Jika ada sekali pun ia hanya bersifat sementara serta berlaku secara lokaliti dan kebiasaannya bekalan pulih semula dalam tempoh masa yang munasabah.

"Tidak dinafikan terdapat situasi pembelian telur terhad kepada pilihan gred, jenis dan bilangan telur ayam (10 biji/30 biji). Walaupun berlaku pengehadan pembelian, bekalan telur ayam tidak kritikal dan masih berupaya menampung keperluan pembeli," katanya selepas membuat pemeriksaan di sebuah pasar raya di sini pada Isnin.

Tambah Mohd Khairi, pemeriksaan juga mendapati bekalan ayam standard juga semakin baik.

"Pemeriksaan yang lebih spesifik turut melibatkan peringkat pengeluar dan pembekal telur ayam di premis pengumpulan telur ayam di sekitar Kuala Garing, Rawang, Selangor," katanya

Justeru itu, KPDNKSH Selangor meminta kerjasama pengguna membeli mengikut keperluan dan tidak sesekali membuat pembelian panik dengan menyimpan stok yang berlebihan daripada keperluan biasa.

Dalam pada itu, pihaknya menerusi tindakan penguatkuasaan di bawah Pelaksanaan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam bermula 5 Februari sehingga 3 Disember telah memeriksa 6,635 premis terdiri daripada 190 pemborong dan 6,445 peruncit.

Mohd Khairi (depan, dua dari kiri) mengetuai pemeriksaan di sebuah pasar raya di Gombak pada Isnin.

Tipu label telur boleh didenda sehingga RM100,000, dipenjara

FOTO: BERNAMA

Pihak yang membuat perihal dagangan palsu mengenai kandungan atau saiz telur boleh berdepan denda dan penjara.

PUTRAJAYA - Mana-mana pihak yang membuat perihal dagangan palsu mengenai kandungan atau saiz telur boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 5(1)(b) Akta Perihal Dagangan 2011.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKSH), Azman Adam berkata, individu yang didapati bersalah boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, manakala syarikat boleh didenda sehingga RM250,000.

Beliau turut memaklumkan, pihaknya telah menerima sebanyak 291 aduan merangkumi gred (117) dan 174 aduan umum mengenai telur sepanjang tahun ini.

"Susulan isu ini, pihak kementerian telah mengambil beberapa sampel telur premium yang dijual di pasaran yang terpilih.

"Sampel telur ini akan dihantar untuk dilakukan ujian bagi mengetahui kandungan telur tersebut adalah tepat seperti yang didakwa pihak pengeluar, pemborong dan peruncit terbabit.

"Tindakan boleh diambil selepas keputusan ujian makmal diterima dan didapati telur yang diuji tidak premium seperti didakwa pihak berkaitan," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Sebelum ini media melaporkan, terdapat beberapa pemborong bertindak menukar label telur gred biasa kepada telur premium untuk meraih keuntungan berganda.

Dalam pada itu, Azman memaklumkan, harga telur jenis premium tidak dikawal sebaliknya KPDNKSH telah menetapkan harga ladang, borong dan runcit maksimum bagi telur ayam gred A, B dan C.

Azman berkata, penetapan harga tersebut termaktub di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum Bagi Ayam Dan Telur Ayam) 2022 yang berkuat kuasa pada 5 Februari 2022.

KPDNKSH turut menggalakkan pengguna menjadi mata dan telinga kepada kerajaan untuk menyalurkan maklumat berkaitan pelanggaran undang-undang membabitkan isu penipuan label telur premium di pasaran melalui saluran WhatsApp ke **019-279 4317 / 019-848 8000**; portal e-aduan.kpdnhep; Call Centre **1-800-886-800**; Emel **e aduan@kpdnhep.gov.my** atau Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) **03-8882 6088/6245**

Pertemuan empat mata

Menteri KPDNKSH akan bertemu pemain industri minyak, telur bermula hari ini

Oleh NUR IFTITAH ROZLAN
KUALA LUMPUR

Salahuddin (tengah) ketika membuat tinjauan bekalan dan harga barangan keperluan di Pasar Raya Borong NSK Trade City, di Kuchai Lama, Kuala Lumpur pada Isnin.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKSH) bakal mengadakan pertemuan bersama semua pemain industri minyak sawit dan telur bermula hari ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pertemuan secara empat mata itu perlu bagi mendapatkan maklumat terkini berhubung krisis kekurangan bekalan dua barangan keperluan itu.

"Saya telah menetapkan beberapa jadual untuk bertemu dengan pemain industri. Kita akan panggil semua dan yang terdekat (kita akan bertemu) pemain industri minyak sawit seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dan Sime Darby (Plantation Bhd) untuk dapatkan maklumat terkini tentang isu bekalan.

"Perjumpaan dengan pemain industri telur ayam pula mungkin hari seterusnya supaya saya dapat data dan perbincangan yang cepat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas selesai mengadakan Program Tinjauan Mesra (Walkabout) di Pasar Raya Borong NSK Trade City di sini pada Isnin.

Menurutnya, hasil daripada perbincangan tersebut akan meningkatkan hubungan kementerian bersama pemain industri dan seterusnya menyelesaikan krisis bekalan barangan asas itu.

"Selama ini pun saya mendengar tentang isu-isu yang menjadi rungutan rakyat dan hari ini saya menyaksikan sendiri paling tidak pun ada dua isu besar yang saya mesti hadapi bersama dengan pasukan kementerian iaitu kekurangan bekalan telur dan minyak masak peket," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6.12.2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	15

Terbeli telur kurang segar, busuk

Pengguna disaran buat aduan rasmi untuk tindakan lanjut diambil

KOTA BHARU

ROHANA

JUWAIDAH

NIZAM

Mohamad Yusrizal (kiri) menunjukkan bekalan telur di kedai Milatul Syamsul di Pasar Besar Alor Setar yang sudah kehabisan stok pada Isnin.

Beberapa pelanggan di sekitar Kota Bharu dan Tumpat mengakui pernah terbeli telur ayam yang kurang segar di kedai-kedai runcit dan borong di dua daerah itu.

Seorang ibu tunggal, Rohana Idris, 42, berkata, dia pernah beberapa kali terbeli telur ayam rosak dari sebuah kedai borong di Tumpat.

"Ketika ingin masak, saya dapati telur yang dipecahkan berbau busuk dan apabila diperiksa rupanya ada beberapa biji lagi sudah rosak.

"Selepas itu, saya membeli sepapan lagi telur di premis yang sama pada hari lain dan mendapati kerosakan sama serta memaklumkan kepada peniaga tersebut namun tidak dapat ganti baharu," katanya yang terpaksa membeli telur omega berharga RM23.50 sepapan.

Sementara itu, pemilik sebuah kopitiam, Juwaidah Mad Hid, 46, berkata, dia amat menitikberatkan kualiti telur yang dibeli untuk dijual kepada pelanggan di kedai makannya.

"Saya gunakan telur gred B berharga RM12.60 sepapan yang diperoleh daripada sebuah pembekal tetap di Jalan Kebun Sultan, Kota Bharu.

"Kalau bekalan daripada pembekal tetap kami, telur yang dibeli tidak pernah rosak. Kalau beli tempat lain ada sekali dua pernah terkena telur rosak dan saya akan minta ganti tetapi peniaga memaklumkan mereka tidak dapat berbuat apa-apa," katanya.

Sementara itu di **ALOR SETAR**, seorang peniaga di Pasar Besar Alor Setar, Milatul Syamsul Mohd Fauzi, 36, memaklumkan pemeriksaan rapi ke atas setiap biji telur yang dihantar oleh pemborong membantu mengelak peruncit menjual telur yang rosak kepada pengguna.

"Tidak dinafikan memang ada telur yang rosak seperti retak dan pecah semasa pemeriksaan dibuat.

"Lori yang datang bawa telur itu kadangkala ada stok lama dan stok baharu," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cake), Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, sebanyak tiga aduan diterima pihaknya membabitkan isu telur rosak di negeri ini iaitu di Alor Setar, Kubang Pasu dan Pendang sejak seminggu lalu.

"Ada juga pengguna yang beli satu papan dan semua 30 biji telur tidak dapat digunakan.

"Kita minta pihak berwajib untuk menyiasat pemborong, pembekal ataupun peruncit sama ada mereka telah menyimpan bekalan telur ini sehingga menyebabkan bekalan telur terjejas bukan sahaja di Kedah tetapi seluruh negara," katanya.

Mohd Anuar menunjukkan bekalan telur di kedai runcitnya habis dijual sejak beberapa hari lalu.

Buat aduan

Di **KUALA TERENGGANU**, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKSH) Terengganu, Saharuddin Mohd Kia menyarankan pengguna membuat aduan rasmi sekiranya terbeli telur ayam yang sudah rosak.

"Laporan boleh dibuat kepada Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) atau Jabatan Kesihatan Negeri atau daerah yang berhampiran.

"Setiap aduan perlu disertakan dengan gambar atau video telur ayam yang rosak dan tercemar sebagai bukti bagi membolehkan siasatan serta tindakan sewajarnya diambil pihak berkenaan.

"Pengguna juga perlu simpan sampel makanan, kenal pasti nama dan lokasi premis bagi tujuan siasatan," katanya yang memaklumkan bekalan telur ayam dalam pasaran Terengganu semakin stabil.

Beliau berkata, selain telur ayam rosak, pelanggan juga boleh membuat aduan sama sekiranya barang makanan dibeli kotor, tercemar, mengandungi benda asing, tarikh luput sudah tamat dan label makanan adalah palsu.

Masih kurang bekalan

Sementara itu di **SABAK BERNAM**, peniaga kedai runcit di daerah ini mengakui tidak menerima aduan telur ayam rosak, sebaliknya hanya mengalami kekurangan bekalan sejak enam bulan lalu.

Seorang peniaga kedai runcit di Sungai Besar, Mohd Anuar Mohd Meera, 39, berkata, bekalan telur diterima sememangnya terhad dan habis dibeli pelanggan dalam tempoh singkat.

Menurutnya, bekalan itu tidak sempat rosak kerana mendapat permintaan tinggi daripada pelanggan.

"Saya tidak terima aduan telur rosak kerana dalam tempoh tiga atau empat hari bekalan sampai, ia habis dibeli pengguna.

"Faktor telur rosak mungkin disimpan terlalu lama dan berlaku akibat lebihan berbanding permintaan," katanya.

Peniaga di Kampung Simpang Lima, Nizam Mahidin, 42, berkata, bekalan telur ayam amat sukar diperoleh hingga dia terpaksa mendapatkan bekalan terus daripada pemborong di Sabak Bernam.

"Jika dahulu pemborong hantar ke kedai, tetapi sekarang saya kena terus ke tempat pemborong untuk mendapatkan bekalan telur ayam.

"Saya jual dalam 20 papan sahaja dan bekalan itu bertahan tidak sampai seminggu tetapi alhamdulillah tiada pula berlaku kes telur rosak dan sebagainya," ujarnya.

Satu aduan telur kotor dilapor di Johor – Exco

ISKANDAR PUTERI - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKSH) Johor, menerima satu aduan membabitkan penjualan telur kotor yang mengelirukan pengguna dilaporkan berlaku di daerah Johor Bahru baru-baru ini.

Exco Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Johor, Lee Ting Han berkata, peniaga terlibat telah dipanggil bagi membolehkan siasatan lanjut dilakukan.

"Terdapat sekurang-kurangnya dua kes telur kotor yang tular di media sosial dikesan sejak beberapa hari lalu.

"Satu aduan rasmi berhubung telur kotor berlaku di Johor Bahru sudah diterima. Siasatan sedang dilakukan sama ada aduan berkenaan benar atau sebaliknya.

"Pengadu mendakwa membeli telur kotor kerana sukar mendapatkan telur ayam gred kawalan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas sesi soal jawab lisan, Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor di Kota Iskandar pada Isnin.

TING HAN

Ting Han yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paloh berkata, permintaan telur ayam gred kawalan di negeri ini dilaporkan mengalami peningkatan secara mendadak.

Jelasnya, Johor merekodkan pengeluaran telur ayam pelbagai gred sebanyak 10 hingga 12 juta telur seminggu.

"Kerajaan mengawal harga bagi telur ayam gred A, B dan C, masing-masing dijual dengan harga 45 sen sebiji, 43 sen dan 41 sen.

"Telur ayam kawalan menjadi pilihan kerana harganya lebih rendah berbanding telur ayam jenis premium atau omega yang bukan di bawah kawalan.

"Selain itu, permintaan telur daripada industri terutama bakeri membabitkan pembuatan roti dan kek turut dilaporkan meningkat," katanya.

Dalam pada itu, Ting Han berkata, KPDNKSH Johor akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam usaha meningkatkan lagi pembekalan telur dan ayam di dalam pasaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6.12.2022	KOSMO	NASIONAL	5

SALAHUDDIN menyempurnakan sesi *clock in* di kementeriannya di Putrajaya semalam.

Teliti beberapa solusi termasuk isu harga, kos produksi

Salahuddin akui telur ayam tiada di pasaran

Oleh AMREE AHMAD

PUTRAJAYA – Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub memberi jaminan akan meneliti beberapa solusi dicadangkan dalam menangani isu ketiadaan telur ayam di pasaran masa ini.

Katanya, ia termasuk isu harga, tempoh kawalan, kaedah subsidi, pengeksportan dan kos produksi terutamanya input ternakan.

"Saya hairan kerana Malaysia merupakan pengeluar telur ayam terbesar di rantau Asia Tenggara dengan sekitar 113 peratus lebih daripada keperluan sara dalam negara.

"Setakat ini, sebanyak 300 ladang ternakan ayam di seluruh negara berupaya dalam memenuhi keperluan permintaan 30 juta biji telur sehari, sehingga ada lebihan boleh dieksport," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan sesi *clock in* di pejabatnya di sini semalam.

Isu mengenai telur ayam mula 'panas' diperkatakan masyarakat semasa kempen Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) apabila banyak kedai runcit dan pasar raya yang melaporkan kehabisan bekalan secara tiba-tiba.

Menurut Salahuddin, ketiadaan stok itu mencetuskan keresahan kepada rakyat, selain merencatkan pertumbuhan ekonomi kerana banyak kegiatan perniagaan amat memerlukan bahan mentah itu.

"Saya sedar proses pengeluaran telur juga mengambil masa enam bulan daripada seekor anak ayam sehingga bertelur berbanding tempoh ayam pedaging yang paling lama pun, hanya 42 hari.

"Jadi, saya yakin kepakaran dalam negara yang melibatkan pelbagai agensi awam dan pemain industri tempatan berupaya mencipta inovasi bagi penyelesaian masalah berkenaan," ujarnya.

Selepas mengadakan sesi sidang akhbar, Salahuddin seterusnya bergegas 'turun padang' bagi meninjau senario kekurangan bekalan telur di ibu negara.

"Insya-Allah, saya memang akan pergi ke sana selepas ini untuk tengok sendiri keadaan isu telur ayam dan cuba dapat maklumat perkembangan sebenar apa berlaku dari lapangan," katanya.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis bertukar-tukar nota serah tugas dengan penyandang sebelumnya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi yang kini dilantik dalam sebagai Menteri Kerja Raya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6.12.2022	KOSMO	NEGARA	10

Kerajaan perlu telus selesaikan isu telur

Analisis Semasa

Bersama
NUR DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

TELUR rosak, telur habis, telur mahal, telur tidak ada bekalan. Isu telur kini menjadi penyakit yang semakin melarat, malah mempunyai kolumnnya sendiri di dalam dada akhbar susulan rungutan rakyat.

Namun, pelantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri ke-10 pada 24 November lalu memberi harapan baharu buat rakyat yang menantikan perubahan, bukan sahaja dalam sistem pentadbiran, inflasi global, skandal korupsi tetapi mencakupi butir telur di setiap rumah.

Beberapa hari lalu, perubahan awal mulai dirasakan apabila rakyat di Pulau Pinang yang sebelum ini sering berdepan dengan krisis telur mendakwa bekalan telah banyak di pasaran dan para peniaga juga mengaitkan perubahan itu dengan pembentukan baharu kerajaan perpaduan.

Namun, keadaan itu seperti di luar bagai madu, di dalam bagai hempedu apabila ramai pengguna mendakwa telur yang dibeli mereka sebenarnya stok lama yang hanya bertahan dua hingga tiga hari sahaja.

Rakyat terus ditekan kerana bukan sahaja perlu mengeluarkan duit untuk membeli telur pada harga standard, tetapi barang yang dibeli pula tidak berkualiti.

Timbalan Presiden Pertubuhan Mesra Pengguna Malaysia (PMPM), Azlin Othman berkata, kerajaan baharu perlu bersikap telus dalam menjelaskan kepada rakyat mengenai situasi semasa pasaran telur.

"Pengguna hanya mendapat maklumat isu bekalan telur ini melalui laporan media, namun adakah perkara ini benar-benar berlaku disebabkan peladang menjual ayam penelur lebih awal kerana tidak mampu menampung kos dedak.

"Ataupun ada segelintir peladang, pembekal dan peruncit yang mengehadkan jualan.

"Ada juga aduan daripada pengguna mendakwa harga jualan telur ayam kini mencecah sehingga 63 sen sebiji, berbanding gred kawalan harga iaitu gred A 45 sen sebiji, B (43 sen) dan C (41 sen)," katanya.

Sehubungan itu, katanya, satu penjelasan lebih terperinci perlu dilakukan oleh kerajaan supaya rakyat lebih memahami dan dapat bersama-sama membantu menyelesaikan isu ini.

"Rakyat berharap dapat keluar daripada krisis telur dan sebagai kerajaan, agensi berkaitan perlu lebih progresif dan agresif dalam penguatkuasaan.

"Sebagai rakyat, kita boleh membantu kerajaan dengan memainkan peranan termasuk membuat aduan atau melaporkan sebarang ketirisan," katanya.

Sehingga 27 November lalu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (kini Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup) merekodkan sebanyak 153 kes peniaga menjual telur ayam melebihi harga maksimum.

Kenaikan itu didakwa berpunca daripada pembekal yang mengenakan caj tambahan dua sen setiap biji telur bagi kesemua jenis gred.

Ujar Azlin lagi, justeru kerajaan perlu meneliti semua peringkat dan rantaian bekalan untuk mengesan sebarang keculasan, manipulasi atau pengehadan yang disengajakan demi mengaut keuntungan berganda di saat negara mengalami peningkatan kos sara hidup.

"Isu ini bukan sahaja menjejaskan produktiviti harian, namun memberikan kesan jangka panjang terutama kepada kumpulan usahawan yang menggunakan telur dalam produksi mereka.

"Peniaga terpaksa mengurangkan jumlah serta kepelbagaian menu mahupun keluaran produk dan ini secara tidak langsung menjejaskan jenama yang dibina dalam mendapatkan kepercayaan pembeli," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6.12.2022	THE STAR	NATION	9

Keeping chicken rice affordable for his regulars

By KHOO GEK SAN
geksan@thestar.com.my

BENTONG: Despite inflationary pressures, a chicken rice stall operator here is committed to maintaining a plate of chicken rice – complete with cucumbers and a bowl of soup – at only RM4.

And to top it off, his "people-friendly" prices have been maintained for the past 10 years without any reduction in portion size to cut costs.

Cheng Yoon Loy said that he hasn't raised the prices of his food in 10 years because he wants to thank his regular customers for their support as well as to make life easier for people in the area.

In keeping with his pledge, he also sells a plate of roast pork rice at RM6 each.

Cheng, 55, is assisted by one worker at the Big House restaurant stall in Bentong.

He begins selling in the morning and continues until all of the food is sold out.

"I can sell up to 300 plates of rice daily on weekends."

Previously, Malaysia's chicken prices rose due to surging animal feed prices, but Cheng said he could still cope by not raising prices.

"I can cover operating costs; I understand customers' struggles, especially those working hard to feed their families, and I want to offer them affordable meals."

During the durian season in Bentong and public holidays, Cheng said his business will be brisk, which leaves him feeling satisfied when seeing returning customers.

"I know many face financial difficulties, and the cost of living is increasing. It will burden my regular customers if I hike my prices too.

"Some of my customers have been patronising my stall since they were young, while some are elderly."

People-friendly prices: Cheng's chicken rice stall is a hit among regulars at the Big House food court in Bentong. — ART CHEN/ The Star

'Enough supply of eggs and cooking oil'

SHAH ALAM: Selangor residents have been assured of a sufficient supply of eggs and subsidised cooking oil in one kilogramme packs.

Selangor's chief enforcement officer of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, Mohd Khairi Jamaludin, said even if there is a shortage, it would only be temporary and confined to certain localities.

Supply will be restored in a reasonable time, he said in a statement yesterday, according to Bernama.

"Undeniably, there are limits on the purchase of eggs, but the situation is not critical," he said as he called for the cooperation of consumers to only buy according to their needs and not to hoard.

"Do not engage in panic buying by keeping a surplus of stock," he added.

On the one kilogramme cooking oil packs, Mohd Khairi said inspections conducted yesterday found that the supply was stable and sufficient to meet the demand.

"The government's directive to limit sales to only three packets per purchase is reasonable in order to ensure that everybody gets to enjoy subsidised cooking oil," he said.

Mohd Khairi added that the Selangor enforcement division of the ministry will continue to conduct daily checks on the price and supply of essential items in the market.